



SIARAN MEDIA

PAKEJ RAHMAH ALLO TAWAR INTERNET JALUR LEBAR TETAP LEBIH MURAH

KUALA LUMPUR, 28 Julai 2023 – Menteri Komunikasi dan Digital, YB Fahmi Fadzil hari ini melancarkan Pakej RAHMAH Allo bersama-sama syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi Allo Technology Sdn. Bhd. (Allo), sebuah anak syarikat Tenaga Nasional Berhad (TNB) di kawasan liputan Allo iaitu di Kedah, Perak, Pulau Pinang, Cyberjaya, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

Pakej ini menawarkan capaian Internet jalur lebar tetap pada harga yang lebih rendah kepada golongan sasaran iaitu golongan B40, Orang Kurang Upaya (OKU), Warga Emas, Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Pesara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pesara Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

Penawaran pakej ini bertepatan dengan matlamat Kerajaan Perpaduan untuk mengurangkan beban kos sara hidup memandangkan Allo mempunyai tumpuan liputan di kawasan pinggir dan luar bandar.

Langganan kepada Pakej RAHMAH Allo adalah pada harga RM69 untuk Internet dengan kelajuan sehingga 100 Mbps dengan data tanpa had (unlimited data) untuk kontrak langganan selama 24 bulan. Ia adalah penjimatan sebanyak RM30 sebulan atau RM720 sepanjang kontrak 24 bulan berbanding pakej semasa Allo iaitu RM99 sebulan. Pakej yang bermula hari ini juga tidak mempunyai had waktu dengan tawaran berkekalan.

Turut hadir di majlis tersebut adalah Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital, YB Teo Nie Ching; Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD), YBhg. Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa dan Ketua Pegawai Eksekutif Allo, YBrs. Tuan Haji Ir. Mohamed Ghous bin Ahmad.

Dikeluarkan oleh:

Kementerian Komunikasi dan Digital